




PENANGGUHAN PELAKSANAAN KPI HRMIS TAHUN 2023

EDISI KALI INI

- Penangguhan Pelaksanaan KPI HRMIS Tahun 2023
- Penambahbaikan Modul Pengurusan Prestasi - MyPerformance
- Penambahbaikan Modul Data Perjawatan
- Program Turun Padang HRMIS CARE

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Surat Edaran JPA 100/7/2/16(S)(9) bertarikh 27 Mac 2023 telah menetapkan supaya pelaksanaan KPI HRMIS Tahun 2023 ditangguhkan. Penangguhan pelaksanaan KPI HRMIS tahun 2023 ditetapkan dengan tujuan untuk memastikan aktiviti pengemaskinian data perjawatan dalam HRMIS dapat diselesaikan bagi agensi-agensi yang terlibat dalam perubahan struktur organisasi susulan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15.

Bengkel Pelaksanaan Perubahan Struktur Kementerian dan Agensi dalam HRMIS telah diadakan pada 20 Februari 2023 bersama 18 kementerian/ agensi yang terkesan. Berdasarkan dapatan perbincangan dalam bengkel tersebut, telah ditetapkan bahawa aktiviti pelaksanaan perubahan struktur agensi perlu diselesaikan oleh agensi selewat-lewatnya 30 Jun 2023.



PENAMBAHBAIKAN MODUL PENGURUSAN PRESTASI

Penambahbaikan Submodul MyPerformance HRMIS 2.0 – Sasaran Kerja Utama (SKU)

Berdasarkan kepada ketetapan baharu dan sebagai mekanisme kawalan, hanya Pentadbir SKU yang dibenarkan untuk memuat naik dan menambah baik SKU Pegawai Yang Dinilai (PYD).

Maklumat Penambahbaikan

Melibatkan butang Hapus SKU pada paparan senarai SKU PYD

Sebelum

Penutupan fungsi Hapus SKU di peringkat PYD

Terkini

Penetapan SKU PYD perlu ditetapkan oleh Pentadbir SKU di fungsi Selenggara SKU agensi

Terkini

Maklumat Penambahbaikan Melibatkan kekotak pengesahan akhir Pegawai Penilai (PP)

Sebelum

Pegawai Penilai (PP) perlu klik pada kekotak pengesahan akhir

Terkini

PENAMBAHBAIKAN MODUL DATA PERJAWATAN

Maklumat Penambahbaikan

Penambahbaikan dilaksana bagi membolehkan pindaan nama kementerian/agensi yang melibatkan penjenamaan semula sahaja.

Sebelum

Terkini

PROGRAM TURUN PADANG HRMIS CARE

Salah satu dari aktiviti libat urus yang dilaksanakan oleh Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA adalah Program Turun Padang HRMIS Care. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada agensi mengutarakan sebarang isu atau masalah yang dihadapi berkaitan dengan HRMIS di agensi masing-masing serta agensi di bawah seliaan. Ia merupakan sesi *one-to-one* antara JPA dan agensi.

Bagi tempoh Januari – Mac 2023 terdapat 3 agensi yang terlibat iaitu :-

- Kementerian Dalam Negeri
- Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



Kementerian Dalam Negeri
14 Februari 2023

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
21 Februari 2023



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
22 Mac 2023



Change Management
HRMIS JPA



hrmis2all



Pasukan Promosi HRMIS
JPA



Change Management
HRMIS JPA



<https://smb.jpa.gov.my>